

**SOALAN NO. 177**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : JAWAB BUKAN LISAN**

**DARIPADA : PUAN RUBIAH BINTI HAJI WANG**  
**[ KOTA SAMARAHAN ]**

**TARIKH : 7 OKTOBER 2014 (SELASA)**

**SOALAN :**

Puan Rubiah binti Haji Wang [ Kota Samarahan ] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan kejayaan program peningkatan pendapatan usahawan wanita di kawasan Parlimen Kota Samarahan.

**JAWAPAN:**

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) sentiasa memberi perhatian khusus kepada wanita dan ibu tunggal dengan menyediakan pelbagai program kemahiran dan keusahawanan bagi membantu meningkatkan pendapatan dan menjana ekonomi keluarga.

Pada tahun 2013, Jabatan Pembangunan Wanita dengan kerjasama Biro Wanita Sarawak telah melaksanakan Program Inkubator Keusahawanan Wanita (I-KeuNita) dalam bidang Pemprosesan Makanan Laut (Keropok Lekor) pada bulan Oktober 2013 dan Program Kraf Cenderahati dan Hiasan Pelancong pada bulan Disember 2013. Seramai 23 orang peserta dari Parlimen Kota Samarahan telah menyertai program ini iaitu 3 orang bagi Program Pemprosesan Makanan Laut dan 20 orang bagi Program Kraf Cenderahati dan Hiasan Pelancong.

Dari segi pemantauan peningkatan pendapatan yang telah dibuat setelah enam (6) bulan mengikuti program, seramai 7 orang peserta (2 orang dari Pemprosesan Makanan Laut, 5 orang dari Program Kraf Cenderahati) dari kedua-dua program tersebut telah berjaya memperolehi pendapatan di antara RM500.00 hingga RM1,000.00 sebulan.

Selain itu, Biro Wanita Sarawak di bawah Kementerian Kebajikan, Wanita dan Pembangunan Keluarga, Sarawak telah melaksanakan Program Pemerksaan Ekonomi Wanita (PPEW) dalam bidang Pembuatan Roti, Kek dan Pastri di DUN N.14 Asajaya (P.197 Kota Samarahan) pada 29 Mei 2013 yang lalu. Seramai 40 orang berasal dari Kampung Serpan Laut, Kampung Serpan Ulu, Kampung Asajaya Ulu, Kampung Rebak, Kampung Moyan Laut dan Kampung Moyan Ulu telah menyertai program ini.